

Tonjol imej pembela masyarakat luar bandar gimik politik DAP
Utusan Online
02 April, 2012

SARATOK 1 April - Percubaan DAP menonjolkan imejnya sebagai pembela masyarakat luar bandar disifatkan sebagai gimik politik parti pembangkang itu untuk memenangi hati penduduk kawasan tersebut yang rata-ratanya golongan bumiputera.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, DAP sejak sekian lama merupakan parti yang hanya berminat mendekati dan memperjuangkan kepentingan golongan tertentu di bandar-bandar besar sahaja.

Hakikatnya kata beliau, parti itu tidak pernah mempedulikan masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar.

"Di Pulau Pinang misalnya, bukan semua orang kaya-raya tetapi kerajaan DAP cenderung membina rumah kos tinggi yang sudah tentu tidak mampu dimiliki golongan berpendapatan rendah.

"Sebab itu saya kata, tindakan ini hanya gimik politik pada pilihan raya sahaja kerana kalau betul-betul ikhlas mereka sudah lama menukar manifesto dan asas perjuangan parti sejak dahulu lagi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Rumah Panjang (RP) Ambrose Ambu, Lubok Kelayang, dekat sini hari ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Saratok yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan, Jelaiing Mersat serta Ahli Dewan Undangan Negeri Kalaka, Abdul Wahab Aziz.

Parti pembangkang terutama DAP baru-baru ini dikatakan semakin aktif mendampingi masyarakat luar bandar di negeri itu khususnya bumiputera untuk meraih undi golongan itu pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Mengulas lanjut, Mohd. Shafie yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yakin masyarakat luar bandar cukup bijak menilai muslihat parti itu yang hanya ingin mendapatkan sokongan ketika pilihan raya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0402&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_07.htm